

M. ray  
Final 207/5025

SPA.S(KT)015/21/(11)

29 Jun 2005

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pertahanan Malaysia  
Cawangan Khidmat Awam  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Jalan Padang Tembak  
**50634 KUALA LUMPUR.**  
(u.p.: Encik Othman bin Haji Ismail)

Tuan,

**PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI OPSYEN SERAMAI 79 ORANG  
PEMBANTU KESIHATAN AWAM GRED U11 KE SKIM PERKHIDMATAN  
PEMBANTU KESIHATAN AWAM GRED U17 KEMENTERIAN PERTAHANAN**

Saya dengan hormatnya merujuk surat tuan bil. KP 863/24 Klt.7 (71) bertarikh 05.05.2005 berhubung dengan perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah **meluluskan** pertukaran pelantikan melalui opsyen seramai 79 orang Pembantu Kesihatan Awam Gred U11 ke Perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam Gred U17 seperti di **Lampiran A** selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2005.

3. Bagi melaksanakan opsyen tersebut Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah membuat keputusan berikut :


- (i) mewakili kuasa kepada Ketua Jabatan untuk menawarkan opsyen kepada pegawai;
- (ii) tempoh opsyen adalah selama **30 hari** dari tarikh surat tawaran diterima oleh pegawai
- (iii) tarikh kuat kuasa opsyen ialah pada 01.01.2005
- (iv) mewakili kuasa kepada Ketua Setiausaha, Kementerian Pertahanan untuk mengesahkan dalam perkhidmatan baru bagi pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan mereka yang terdahulu ; dan
- (v) pengesahan dalam perkhidmatan pegawai yang belum disahkan dalam perkhidmatan yang terdahulu kekal di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

4. Selaras dengan keputusan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ini, Ketua Jabatan hendaklah mengeluarkan surat tawaran opsyen, syarat-syarat opsyen dan borang opsyen seperti yang ada dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2005 kepada semua pegawai berkenaan dan mengemukakan sesalinan dokumen tersebut kepada Suruhanjaya untuk tujuan rekod.

Sekian, terima kasih.

**' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA '**

Saya yang menurut perintah,



(HAJI MD. MISRON BIN HAJI YUSOF)  
Bahagian Perkhidmatan  
b.p. Setiausaha  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam  
Malaysia.

*lawOpt\_pka/3.3*